

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 24 MEI 2014 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kawal penggunaan laman sosial anak elak buli siber	Beria Harian
2.	Kemarau panjang sebabkan bekalan air sebahagian kawasan Kuala Terengganu bertukar payau	BERNAMA
3.	Hari terbuka NML-SIRIM dedah fungsi dan kepentingan sains metrologi	BERNAMA

Minda Pengarang

Kawal penggunaan laman sosial anak elak buli siber

Gejala buli siber semakin mendapat perhatian pihak berkuasa. Pemantauan lebih dekat adalah wajar kerana selain menjejaskan emosi, ada kalanya ia berakhir dalam bentuk serangan fizikal. Lebih-lebih lagi masalah ini kebanyakannya membabitkan remaja terutama pelajar. Suruhanjaya ketika memberi taklimat kepada media mengenai 'Tabiat Penggunaan Media Sosial Dalam Kalangan Golongan Muda' kelmarin, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SK-MM) mendedahkan pembuli kebiasaannya akan mengejek, mengeluarkan kenyataan menyakitkan hati dan mengguris perasaan mangsa bertujuan merendahkan keyakinan individu sasaran. Ia berdasarkan kajian penyelidikan Universiti Sains Malaysia yang mendapati 45 peratus atau 539 daripada 1,200 responden mengakui tersinggung apabila dikutuk dalam Facebook. Tahun lalu, menurut kajian **CyberSecurity Malaysia**, Kementerian Pendidikan dan DiGi Telecommunications Sdn Bhd membabitkan 9,651 pelajar dari 459 sekolah rendah dan menengah seluruh negara, mendapati 13 peratus atau 1,255 pelajar menjadi mangsa buli siber. Pada masa sama, 26 peratus atau 2,509 pelajar lain mengaku pernah menjadi mangsa buli siber. Ia menunjukkan gejala ini semakin meningkat dan serius. Situasi itu disokong dengan bertambahnya kejadian keselamatan siber yang dilaporkan pengguna Internet melalui Pusat Bantuan Cyber999. Pada tahun 2012, sebanyak 250 kes buli siber dilaporkan, namun jumlah itu mencecah 55.6 peratus pada tahun 2013 dengan 389 kes.

Kanak-kanak dan remaja yang mendominasi 14 peratus daripada 18.6 juta pengguna internet di negara ini. Antara punca berlakunya situasi ini adalah sikap mangsa sendiri yang terlalu terbuka berhubung penggunaan laman sosial hingga sanggup berkongsi kata laluan. Mengejek, mengata dan memaki hamun sudah lumrah bagi mereka. Lebih dikesalkan, yang tua pun tidak kurang hebatnya dalam perkara membabitkan buli siber, manakan tidak yang muda turut terikut-ikut. Mungkin ada yang tidak lupa dengan laporan mengenai dua wanita didenda RM1,500 oleh Mahkamah Majistret Seremban pada awal bulan ini, selepas mengaku bersalah menyerang jiran. Mereka marah dengan komennya di Facebook hingga berlaku pertengkaran. Bagi mengatasi permasalahan seperti ini, SKMM melaksanakan pelbagai program termasuk Klik Dengan Bijak untuk membimbing golongan muda khususnya untuk menggunakan internet secara bertanggungjawab. Ibu bapa dan guru tetap memegang peranan utama bagi menangani perkara ini. Inilah akibatnya bila laman sosial yang sepatutnya dimanfaatkan untuk perkara baik dan diwujudkan untuk memudahkan komunikasi disalah guna. Remaja sepatutnya menggunakannya untuk meningkatkan pengetahuan bukannya melahirkan gejala sosial negatif. Mungkin pihak berkuasa selain mengawasi, turut memperkenalkan peraturan baharu untuk mengawal gejala merugikan bagi pengguna media sosial.



Kemarau Panjang Sebabkan Bekalan Air Di Sebahagian Kawasan Kuala Terengganu Bertukar Payau

KUALA TERENGGANU, 23 Mei (Bernama) -- Musim kemarau berpanjangan yang melanda Terengganu ketika ini telah menyebabkan kemasukan air masin ke muka sauk Loji Rawatan Air Losong berikutan paras air sungai lebih rendah dari paras air laut.

Ketua Pegawai Eksekutif Syarikat Air Terengganu Sdn Bhd (SATU) Husain Embong berkata, menurut laporan [Jabatan Meteorologi Malaysia \(JMM\)](#) musim Monsun Barat Daya iaitu musim kering bermula pada pertengahan Mei yang berterusan hingga Sept ini.

"Jadi kesan fenomena itu telah dirasakan di daerah ini apabila paras air pasang yang tinggi telah menyebabkan berlaku kemasukan air masin ke muka sauk Loji Rawatan Air Losong," katanya kepada Bernama di sini Jumaat.

Dalam keadaan normal bacaan paras kepekatan garam dalam kualiti air mentah berada di bawah 50 PPM (bahagian per juta), kata Husain.

Beliau berkata, mengikut piawaian antarabangsa dan Kementerian Kesihatan, apabila paras bacaan kepekatan garam dalam kualiti air mentah melebihi 250 PPM, proses rawatan air perlu dihentikan.

Namun katanya, SATU masih meneruskan operasi loji itu bagi memastikan bekalan air dapat diterima oleh pengguna secara berterusan walaupun rasanya kurang selesa.

Beliau berkata, bekalan air dari Loji Rawatan Air Losong disalurkan kepada hampir 200,000 pengguna melibatkan kampung-kampung seperti Losong, Durian Burung, Paloh, Pulau Rusa dan beberapa desa di sekitarnya.

Katanya, SATU sentiasa berusaha dan sedang memantau secara rapi perkara ini dan proses rawatan air dikurangkan pada paras kepekatan garam dalam air mentah yang tinggi.

Menurutnya lagi, SATU juga sedang berunding dengan Stesen Janakuasa Elektrik Tenaga Nasional Bhd (TNB) Tasik Kenyir untuk melepaskan kuantiti air lebih banyak bagi mengimbangkan paras kepekatan garam dalam air mentah di muka sauk.

"Namun perkara ini agak sukar dilakukan kerana ianya bergantung kepada pengoperasian empangan dan penjanaan tenaga oleh TNB," katanya.

Beliau berkata, SATU tidak boleh menentukan atau menjangkakan tempoh ketidak selesaian pengguna kerana ianya adalah di luar kawalannya dan bergantung kepada faktor cuaca.

Hanya bekalan air dari Loji Rawatan Air Losong sahaja yang menghadapi masalah ini sementara operasi pembekalan air di daerah-daerah lain masih stabil dan berjalan seperti biasa samada dari segi kuantiti dan kualiti air yang dibekalkan, katanya.

Loji Rawatan Air Losong mengeluarkan air sebanyak 33.2 juta liter air sehari dan ia beroperasi 24 jam tanpa henti bagi membekalkan air terawat kepada pengguna dengan selesa.



Hari Terbuka NML-SIRIM Dedah Fungsi Dan Kepentingan Sains Metrologi

KUALA LUMPUR, 23 Mei (Bernama) -- [Hari Terbuka Makmal Metrologi Kebangsaan \(NML\) SIRIM](#) baru-baru ini memberi peluang kepada orang ramai mengenali fungsi serta kepentingan sains metrologi iaitu ilmu berkaitan sukatan dan ukuran selain kepentingannya kepada pembangunan negara.

Kenyataan SIRIM Berhad hari ini menyebut acara itu bersempena sambutan Hari Metrologi Sedunia yang disambut serentak dengan 17 negara lain setiap 20 Mei bagi memperingati Konvensyen Meter 1875.

Tarikan utama hari terbuka itu termasuk peluang kepada orang ramai untuk melawat laman makmal berkaitan keseragaman pengukuran sedunia, antaranya, Makmal Pengukuran Kelembapan Padi dan Beras yang baru diperkenal syarikat milik penuh kerajaan berkenaan.

"Ia penting dalam menentukan harga berat bersih komoditi itu bagi pasaran tempatan dan antarabangsa.

"Ia juga dapat membantu pesawah dan pengilang menentusahkan meter kelembapan padi dalam beras bagi menjamin urusan niaga yang adil dan berkualiti," katanya.

Makmal lain yang dibuka selama sehari Rabu lepas termasuk Makmal Jisim, Makmal Termometri Radiasi, Makmal Kelembapan Udara dan Makmal Gas.

-- BERNAMA